

## PEMBERITAHUAN UMUM

Tarikh: 27<sup>th</sup> November 2024

### PEMBERITAHUAN BERKENAAN AUDIT PENSIJILAN MSPO PERINGKAT *RECERTIFICATION* DI LADANG-LADANG KELAPA SAWIT BERIKUT:

1. Nama Ladang : ENG HONG ESTATE SDN BHD

Kepada pihak yang berkepentingan,

2. Merujuk perkara diatas, adalah dimaklumkan bahawa kami dari MR3 Certification International Sdn Bhd adalah badan pensijilan yang akan mengadakan audit pensijilan **Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS2530 - Part 3: *General principles for oil palm plantations and organised smallholders*** bagi memastikan pematuhan terhadap persijilan Skim Malaysian Sustainable Palm Oil.

3. Pengauditan ini akan dilaksanakan oleh **MR3 Certification International Sdn Bhd pada 28 – 29 December 2024**. Pasukan juruaudit bagi pensijilan ini adalah terdiri daripada:

- i. **Mr Hafizuddin Rossley** : Ketua Auditor bagi Keseluruhan Prinsip dan Indikator MS (HF) 2530:3-2013
- ii. **Pn Nabila Seth Niven** : Auditor bagi Aspek Amalan Baik Perladangan, Aspek Keselamatan, Kesihatan & Kebajikan Pekerja serta Aspek Alam Sekitar, Sumber Asli, Biodiversiti dan Ekosistem.

4. Sekiranya pihak tuan / puan mempunyai sebarang komen terhadap syarikat-syarikat dan ladang-ladang yang dinyatakan, yang mana ianya berhubung kait dengan pematuhan Prinsip-prinsip MSPO, MR3 Certification menjemput pihak tuan / puan untuk menyatakan komen tersebut berhubung dengan perkara-perkara dibawah:

- a) Pemuliharaan Alam Sekitar terhadap operasi perladangan kelapa sawit terhadap penggunaan racun dan pengurusan bahan buangan;
- b) Pemuliharaan dan pemeliharaan biodiversiti;
- c) Kebajikan pekerja ladang sawit;
- d) Sumbangan terhadap pembangunan sosial penduduk tempatan;
- e) Penyediaan rumah, fasiliti dan latihan;
- f) Isu-isu lain yang berkaitan dengan pensijilan.

5. Sebarang komen hendaklah disampaikan kepada pihak kami secara bertulis (bersama bukti-bukti berkaitan, jika ianya berkenaan) dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat ini beserta dengan butir-butir seperti di bawah bagi tujuan untuk pengesahan data yang diberi.

## PEMBERITAHUAN UMUM

Nama	:	
Alamat	:	
Email	:	
No. Telefon	:	
Faks	:	

Jika komen anda adalah sulit, sila tandakan "SULIT" pada komen anda dan hantarkan kepada :

### MR3 Certification International Sdn Bhd

Level 6 & 7, The Tribeca, No 215 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: + 60 (3) 2724 7979

Email: [hafiz@mr3cert.com](mailto:hafiz@mr3cert.com) atau [info@mr3cert.com](mailto:info@mr3cert.com).